

# 4 PBT guna temu duga bersemuka

## Elak pemohon salah guna lesen penjaja

Oleh Nor Amalina Alias  
bhnews@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Empat pihak berkuasa tempatan (PBT) iaitu tiga di Wilayah Persekutuan dan satu di Perak, menjadi yang pertama memperkenalkan proses temu duga secara bersemuka dengan pemohon bagi mengelak penyalahgunaan lesen penjaja.

Susulan itu, penjaja dalam kawasan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan serta di Majlis Bandaraya Ipoh (MBI) kini melalui prosedur ketat untuk mendapatkan lesen niaga sebelum permohonan itu diluluskan.

Di **Kota Bharu**, Menteri Wilayah Persekutuan, Tan Sri Annuar Musa, berkata pihaknya kini menggunakan pembaca MyKad bagi mengenal pasti identiti pemohon yang menyertai program Wilayah Bebas Berniaga (WBB).

Katanya, peraturan itu dikuatkuasakan bagi mengelak pelesen mendaftar menggunakan kad pengenalan individu yang sudah meninggal dunia atau memohon lebih daripada satu permohonan.

Beliau mengakui Dewan Ban-

daraya Kuala Lumpur (DBKL) ditegur dalam Laporan Ketua Audit yang mengesan lesen dimiliki individu yang sudah mati dalam semakan lesen 2018 dan 2019.

"DBKL membuat semakan ketat dengan pelesen perlu hadir ke pejabat secara fizikal untuk memeriksa MyKad menggunakan alat pengimbas bagi mengesahkan pemohon adalah pemilik sah dan warganegara.

"Kebimbangan saya adalah bukan saja 'orang mati' boleh mendapat lesen, tetapi saya dapat maklumat ada orang yang memohon lebih daripada satu lesen dan lesen itu diberi 'sublet' (diberi sewa atas sewa).

"Saya tidak risau jika disewakan kepada warganegara, tetapi yang saya risau mereka nak duit, ambil lesen dan kemudian disewakan kepada bukan warganegara," katanya selepas Majlis Perjumpaan Bersama Masyarakat Cina dan Penyampaian Bantuan di Kampung Tokong, Ketereh, dekat sini, semalam.

Susulan itu, Annuar memberi amaran, penjaja yang dikesan menyalah guna kemudahan itu akan disenarai hitam secara sepenuhnya.

Beliau berkata, pelesen yang dikesan menyewa lesen kepada peniaga asing akan dibatalkan semua lesen dikeluarkan kepada mereka.

"Mereka juga tidak boleh menerima apa-apa bentuk lesen daripada DBKL (selepas pembata-



Annuar menyampaikan sumbangan COVID-19 pada Majlis Perjumpaan Bersama Masyarakat Cina dan Penyampaian Bantuan di Kampung Tokong, Ketereh, semalam. (Foto BERNAMA)

lan itu).

"Saya beri peringatan, bila saya permudahkan dengan niat yang baik, jangan buat sesuatu yang menimbulkan kesusahan.

"Saya harap penjaja sekitar Wilayah Persekutuan membalas balik apa yang saya lakukan dengan mengikut dan mematuhi penguatkuasaan yang kita adakan," katanya.

Beliau berkata, pihaknya menggunakan dua pendekatan iaitu di bahagian pengeluaran lesen dengan membuat semakan demi semakan dan penguatkuasaan apabila berlaku perlanggaran undang-undang.

"Saya meminta penguat kuasa bersikap ramah, bukan menghalau, bukan merampas, bukan menimbulkan kesusahan tetapi pada masa sama, jika ada aduan, penguat kuasa kena semak dan jika ada salah guna lesen, penguatkuasaan tetap dijalankan," katanya.

Annuar berkata, setakat ini 3,200 permohonan diterima bagi

menyertai program WBB dan 1,700 daripada permohonan itu sudah dilulus dan dikeluarkan lesen.

"Setakat ini, 60 hingga 70 peratus sudah diluluskan, hanya sebahagian kecil kita tolak kerana mereka memilih berniaga di lokasi tidak dibenarkan," katanya.

Terdahulu, laporan Ketua Audit Negara 2019 Siri 1, mendapati DBKL dikesan meluluskan permohonan dan pembaharuan 500 lesen penjaja yang menggunakan kad pengenalan individu sudah meninggal sejak tiga tahun lalu.

Sementara itu, di Ipoh, Bernama melaporkan, MBI turut menggunakan kaedah bersemuka, sebelum memberi kelulusan pembaharuan dan permohonan lesen penjaja.

Datuk Bandar Ipoh, Datuk Rumaizah Baharin, berkata setiap pemohon perlu menghadiri diri untuk ditemuduga, sebelum memperoleh kelulusan bagi mengelak berlaku penipuan.